

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL



DOKUMEN SEBUT HARGA

TAJUK :

**PENJUALAN KENDERAAN BURUK MILIK DATUK
BANDAR KUALA LUMPUR DI STESEN PEMINDAHAN
SISA PEPEJAL (KLTS) TAMAN BERINGIN, JINJANG
UTARA, KEPONG**

Sebut harga ini adalah terbuka dan dipelawa kepada mana-mana syarikat yang berminat untuk membeli kenderaan buruk milik Datuk Bandar Kuala Lumpur seperti yang dinyatakan dalam senarai pada muka surat seterusnya. Sebut harga yang telah lengkap diisi perlu dimasukkan ke Peti Sebut harga, Jabatan Pentadbiran (Bahagian Pengurusan Perolehan) Tingkat 32, Menara DBKL 3, Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur.




DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PENJUALAN KENDERAAN BURUK MILIK DATUK BANDAR KUALA LUMPUR DI
STESEN PEMINDAHAN SISA PEPEJAL (KLTS) TAMAN BERINGIN, JINJANG
UTARA, KEPONG

- 1) Tawaran sebut harga ini adalah dipelawa dari mana-mana syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) di bawah Kod Bidang 221902 (Membeli Barang Lusuh Perlu Permit PDRM) untuk membeli pelbagai aset alih seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
1.1	Kenderaan Buruk	Satu (01) Lot	RM300,000.00

- 2) Sebanyak satu (1) lot kenderaan buruk dibuka untuk tawaran.
- 3) Kenderaan buruk yang diiklankan untuk tawaran sebut harga ini boleh dilihat mulai jam **9.00 pagi hingga 4.00 petang di Stesen Pemindahan Sisa Pepejal (KLTS) Taman Beringin, Jinjang Utara, Kepong, 52000 Kuala Lumpur.**
- 4) Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut harga Pelupusan Aset Datuk Bandar Kuala Lumpur (KEW.PA 28). Tawaran hendaklah sah bagi tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup iklan sebut harga ini.
- 5) Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri sampul No. Sebut harga serta tajuk kerja berkaitan dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga tersebut di Jabatan Pentadbiran (Bahagian Pengurusan Perolehan) Tingkat 32, Menara DBKL 3, Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup sebut harga. **TAWARAN SEBUT HARGA YANG LEWAT DITERIMA TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**


(KAMALADEVI A/P PALANIAPPAN)

Pengarah

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal
b.p Datuk Bandar Kuala Lumpur

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN-PERATURAN SEBUT HARGA

1. Penyebut harga yang berminat **DIWAJIBKAN** melampirkan salinan sijil dari Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) di bawah **Kod Bidang 221902** (Membeli Barang Lusuh Perlu Permit PDRM). Penyebut harga juga hendaklah mematuhi keseluruhan syarat dan melampirkan dokumen-dokumen yang dinyatakan seperti berikut:
 - i. Lesen Kemudahan Rawatan Automotif Berlesen (*Authorised Automotive Treatment Facility*) (AATF) di bawah (Kod SW 102) daripada Jabatan Alam Sekitar,
 - ii. Surat kebenaran bertulis bagi membina Kemudahan Rawatan Automotif Berlesen (*Authorised Automotive Treatment Facility*) (AATF) daripada Jabatan Alam Sekitar,
 - iii. Surat persetujuan untuk kerjasama di antara penyebut harga dan syarikat yang telah dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar untuk mematuhi keperluan syarat yang dinyatakan di perkara 1 (i) dan (ii) DAN
 - iv. Dokumen pendaftaran hakmilik tanah sama ada di bawah pemilikan penyebutharga atau dilupuskan melalui pajakan/penyewaan sebagai bukti penyebut harga mempunyai sebidang tanah bagi tujuan meletakkan atau menyimpan atau sebagai depoh simpanan untuk dijadikan tapak simpanan bagi penanggalan, peleraian atau pembongkaran kenderaan buruk.
2. Kenderaan buruk yang ditawarkan dalam tawaran sebut harga ini akan dijual tertakluk kepada harga simpanan yang ditetapkan oleh jabatan.
3. Bagi tujuan sebut harga ini, penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan **deposit sebanyak RM15,000.00**. Deposit hendaklah dibuat melalui kaedah-kaedah berikut:-
 - (i) kiriman wang;
 - (ii) wang pos;
 - (iii) draf bank; atau
 - (iv) *Cashier's Order*Deposit yang dikemukakan hendaklah dibuat atas nama Datuk Bandar Kuala Lumpur.
4. Tawaran sebut harga yang dibuat tanpa dan/atau kurang dari deposit yang ditetapkan di bawah sebut harga ini **tidak akan dipertimbangkan**.
5. Semua kenderaan buruk yang ditawarkan di bawah sebut harga ini adalah sebagaimana keadaannya semasa dilihat (**as is where is**).

6. Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak akan bertanggungjawab ke atas keseluruhan atau mana-mana bahagian kenderaan buruk yang telah ditawarkan kepada penyebut harga yang berjaya. Penyebut harga yang berjaya juga **hendaklah memastikan kenderaan buruk yang ditawarkan penjualannya tidak akan digunakan semula samada secara keseluruhannya atau sebahagiannya di atas mana-mana jalan** kecuali bahagian-bahagian kecil yang terhasil daripada proses penanggalan, peleraian, pembongkaran sama ada melalui penggantian dalam bentuk alat ganti, pengitaran semula melalui proses kitar semula, besi buruk dan sebagainya. Segala isu dan permasalahan yang timbul dan berbangkit selepas dari tawaran penjualan kenderaan buruk adalah menjadi tanggungjawab penyebutharga yang berjaya sepenuhnya.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian kenderaan buruk seperti kos menanggal, melerai atau membongkar, mengangkut dan lain-lain kos seperti cukai import serta cukai jualan, hendaklah ditanggung sendiri oleh penyebut harga. Sebarang kos-kos yang terlibat semasa di tapak juga perlu ditanggung sepenuhnya oleh penyebut harga yang berjaya. Proses penanggalan, peleraian atau pembongkaran melibatkan kenderaan buruk yang berjaya dibida **tidak boleh** dilakukan di dalam atau di sebahagian kawasan Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Kuala Lumpur (KLTS) atau mana-mana premis di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
8. Penyebut harga hendaklah memastikan apa-apa kebenaran, permit dan/atau lesen yang perlu dipatuhi dan diperolehi dari mana-mana agensi yang berkaitan diperolehi terlebih dahulu sebelum memulakan kerja-kerja di tapak.
9. Penyebut harga hendaklah sentiasa menanggunggrugi daripada sebarang tanggungan, liabiliti, tindakan, prosiding, tuntutan, permintaan, kos, ganti rugi dan perbelanjaan yang dikenakan ke atas Datuk Bandar Kuala Lumpur dibawah mana-mana undang-undang Malaysia bagi sebarang kecuaian, kelalaian dan/atau pengabaian penyebutharga di sepanjang tempoh kerja-kerja tersebut dilaksanakan.
10. **Penyebut harga yang berjaya** hendaklah membuat **pembayaran penuh dalam tempoh tujuh (7) hari** dari tarikh pemberitahuan keputusan di **Unit Kewangan, Bahagian Pentadbiran, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal, Menara DBKL 3, 50300 Kuala Lumpur**. Sebarang rayuan tidak dibenarkan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit **sebut harga tidak akan dikembalikan dan boleh menyebabkan tawaran ini terbatal**. Bagi penyebutharga yang tidak berjaya, deposit sebut harga akan dikembalikan.

11. Penyebut harga dikehendaki mengemukakan **satu (1) salinan bagi resit pembayaran penuh** yang dibuat kepada pegawai jabatan dan surat arahan kerja diserahkan bagi pengambilan kenderaan buruk di **Stesen Pemindahan Sisa Pepejal (KLTS) Taman Beringin, Jinjang Utara, Kepong, 52000 Kuala Lumpur**. Pengambilan dan pengeluaran kenderaan buruk **hendaklah** dilakukan dalam **waktu bekerja jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang sahaja**. Penyebut harga yang berjaya dimestikan mengambil keseluruhan kenderaan buruk yang dibida dan melakukan kerja pembersihan di tapak.
12. Penyebut harga yang berjaya hendaklah mengambil keseluruhan kenderaan buruk dalam **tempoh 30 hari daripada tarikh surat arahan kerja yang dikeluarkan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur**. Jika penyebutharga gagal menguruskan pengambilan kenderaan buruk di dalam tempoh yang ditetapkan, caj denda lewat akan dikenakan dengan kadar **Ringgit Malaysia Dua Ratus Sahaja (RM200.00)** bagi tempoh sehari kelewatan. Jumlah penuh caj denda lewat ini perlu **dijelaskan** sebelum penyebut harga dibenarkan untuk menyambung pengambilan dan pengeluaran apa-apa kenderaan buruk yang telah berjaya dibida.
13. Wang deposit akan dipulangkan apabila kerja-kerja pengambilan dan pengeluaran kenderaan buruk diselesaikan sepenuhnya. Wang deposit akan dirampas sekiranya didapati berlaku sebarang pelanggaran terhadap mana-mana syarat-syarat yang telah ditetapkan.
14. Penyebut harga yang berjaya dinasihatkan untuk **mengambil dengan segera** semua kenderaan buruk yang telah dijelaskan bayarannya. Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak bertanggungjawab di atas keselamatan dan sebarang kecacatan, kerosakan atau kehilangan dari lot kenderaan buruk **selepas tempoh yang dinyatakan dalam perkara 12**.
15. Penyebut harga yang berjaya dikehendaki untuk memastikan semua kenderaan dilucuthak dan dibatalkan pendaftarannya dari sistem JPJ dan mengemukakan dokumen pembatalan pendaftaran kenderaan tersebut kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur.

BORANG SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH
DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Nama Individu/ Syarikat :

No. Kad Pengenalan/ Pendaftaran Syarikat :

Alamat:

Kepada:

(Nama dan Alamat Kementerian atau Jabatan)

Tuan,

Tawaran Untuk Sebut Harga No./.....

Merujuk kepada perkara di atas, saya/ syarikat berminat menyertai sebut harga tersebut.

1. Tawaran saya/ syarikat adalah seperti berikut:-

Bil	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Tawaran (RM)	Deposit Sebut Harga
1.1	Kenderaan Buruk	Satu (01) Lot		RM15,000.00

2. Bersama-sama ini disertakan deposit sebut harga **RM15,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Belas Ribu Sahaja)** dalam bentuk kiriman wang/wang pos/draf bank/ *Cashier's Order* atas nama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

3. Saya/syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan : _____

Nama Syarikat : _____

Tarikh :



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL

SENARAI KENDERAAN

Bil	Jenis	No. Pendaftaran	No. Badan	Model / Buatan
1	Prime Mover	WWR 5224	PM 24	Scania P380
2	Prime Mover	WWR 5229	PM 15	Scania P380
3	Prime Mover	WWR 5235	PM 27	Scania P380
4	Prime Mover	WWR 5345	PM 26	Scania P380
5	Prime Mover	WWR 5361	PM 30	Scania P380
6	Prime Mover	WWR 5395	PM 14	Scania P380
7	Prime Mover	WWR 5415	PM 33	Scania P380
8	Prime Mover	WWR 5464	PM 29	Scania P380
9	Prime Mover	WWR 5496	PM 35	Scania P380
10	Prime Mover	WWR 5608	PM 21	Scania P380
11	Prime Mover	WWR 5626	PM 19	Scania P380
12	Prime Mover	WWR 5644	PM 20	Scania P380
13	Prime Mover	WWR 5654	PM 36	Scania P380
14	Prime Mover	WWR 5692	PM 22	Scania P380
15	Prime Mover	WWR 5710	PM 17	Scania P380
16	Prime Mover	WWR 5722	PM 23	Scania P380
17	Prime Mover	WWR 5735	PM 32	Scania P380
18	Prime Mover	WWR 5736	PM 34	Scania P380
19	Prime Mover	WWR 5737	PM 28	Scania P380
20	Prime Mover	WWR 5738	PM 16	Scania P380

Bil	Jenis	No. Pendaftaran	No. Badan	Model / Buatan
21	Prime Mover	WWR 6083	PM 25	Scania P380
22	Prime Mover	WWR 6508	PM 31	Scania P380
23	Prime Mover	WWR 8031	PM 11	Scania P380
24	Prime Mover	WWR 8141	PM 10	Scania P380
25	Prime Mover	WWR 8259	PM 09	Scania P380
26	Prime Mover	WWR 8294	PM 13	Scania P380
27	Prime Mover (Terbakar)	WWR 8305	PM 12	Scania P380
28	Prime Mover	WWR 8426	PM 07	Scania P380
29	Prime Mover	WWR 8537	PM 18	Scania P380
30	Prime Mover	WWR 9435	PM 08	Scania P380
31	Prime Mover	WWR 9534	PM 06	Scania P380
32	Prime Mover	WXS 2867	PM 40	Scania P410
33	Prime Mover	WXS 2902	PM 39	Scania P410
34	Prime Mover	WXS 2955	PM 37	Scania P410
35	Prime Mover	WXS 2972	PM 38	Scania P410
36	Prime Mover	JKM 30	TH 1	Terberg YT220
37	Prime Mover	JKM 31	TH 2	Terberg YT220
38	Prime Mover	JKM 32	TH 3	Terberg YT220
39	Prime Mover	JKM 33	TH 4	Terberg YT220
40	Excavator, Tracked	W 2776 Q	-	Komatsu PC200LC
41	Excavator, Tracked	W 7453 Q	-	Komatsu PC130-8
42	Semi-Trailer Container	TWC 2050	CN 05	MPSI
43	Semi-Trailer Container	TWC 2051	CN 06	MPSI

Bil	Jenis	No. Pendaftaran	No. Badan	Model / Buatan
44	Semi-Trailer Container	TWC 2052	CN 15	MPSI
45	Semi-Trailer Container	TWC 2053	CN 16	MPSI
46	Semi-Trailer Container	TWC 2054	CN 21	MPSI
47	Semi-Trailer Container	TWC 2055	CN 41	MPSI
48	Semi-Trailer Container	TWC 2056	CN 25	MPSI
49	Semi-Trailer Container	TWC 2062	CN 27	MPSI
50	Semi-Trailer Container	TWC 2063	CN 28	MPSI
51	Semi-Trailer Container	TWC 2064	CN 30	MPSI
52	Semi-Trailer Container	TWC 2065	CN 31	MPSI
53	Semi-Trailer Container	TWC 2066	CN 33	MPSI
54	Semi-Trailer Container	TWC 2067	CN 37	MPSI
55	Semi-Trailer Container	TWC 2068	CN 39	MPSI
56	Semi-Trailer Container	TWC 2069	CN 40	MPSI
57	Semi-Trailer Container	TWC 2070	CN 42	MPSI
58	Semi-Trailer Container	TWC 2071	CN 43	MPSI
59	Semi-Trailer Container	TWC 2072	CN 44	MPSI
60	Semi-Trailer Container	TWC 2073	CN 45	MPSI
61	Semi-Trailer Container	TWC 2074	CN 47	MPSI
62	Semi-Trailer Container	TWC 2200	CN 10	Sumai-CST-1
63	Semi-Trailer Container	TWC 2202	CN 19	Sumai-CST-1
64	Semi-Trailer Container	TWC 2203	CN 22	Sumai-CST-1
65	Semi-Trailer Container	TWC 2204	CN 23	Sumai-CST-1
66	Semi-Trailer Container	TWC 2213	CN 26	Sumai-CST-1

Bil	Jenis	No. Pendaftaran	No. Badan	Model / Buatan
67	Semi-Trailer Container	TWC 2226	CN 29	Sumai-CST-1
68	Semi-Trailer Container	TWC 2259	CN 32	Sumai-CST-1
69	Semi-Trailer Container	TWC 2260	CN 38	Sumai-CST-1
70	Semi-Trailer Container	TWC 2261	CN 48	Sumai-CST-1
71	Semi-Trailer Container	TWC 2972	CN 07	CT38T
72	Semi-Trailer Container	TWC 2973	CN 08	CT38T
73	Semi-Trailer Container	TWC 2974	CN 09	CT38T
74	Semi-Trailer Container	TWC 2981	CN 12	CT38T
75	Semi-Trailer Container	TWC 2988	CN 13	CT38T
76	Semi-Trailer Container	TWC 3004	CN 14	CT38T
77	Semi-Trailer Container	TWC 3007	CN 18	CT38T
78	Semi-Trailer Container	TWC 2983	CN 34	CT38T
79	Semi-Trailer Container	TWC 2984	CN 36	CT38T
80	Semi-Trailer Container	TWC 2985	CN 50	CT38T
81	Semi-Trailer Container	TWC 2986	CN 52	CT38T
82	Semi-Trailer Container	TWC 2987	CN 53	CT38T
83	Semi-Trailer Container	TWC 2989	CN 54	CT38T
84	Semi-Trailer Container	TWC 3005	CN 55	CT38T
85	Semi-Trailer Container	TWC 3006	CN 58	CT38T
86	Semi-Trailer Container	TWC 3008	CN 60	CT38T
87	Semi-Trailer Container	TWC 3009	CN 61	CT38T
88	Semi-Trailer Container	TWC 3010	CN 65	CT38T

GAMBAR PENYIMPANAN KENDERAAN BURUK









